

04/11/2015 - Majlis Penutup Simposium Kontraktor dan Usahawan Binaan Bumiputra 2015 dan Pelancaran

Bismillahirrahmanirahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

YBhg. Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali,
Pengerusi,
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB);

YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob,
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya;

YBhg. Dato' Husni Salleh,
Ketua Pegawai Eksekutif,
Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU),
Jabatan Perdana Menteri;

YB Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi,
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor;

YBhg. Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian, YB. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri dan
Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan;

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian/Jabatan dan Agensi Kerajaan;

YBhg. Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati
sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi atas limpah kurniaNya dapat kita berkumpul pada hari ini sempena Majlis Penutup Simposium Kontraktor dan Usahawan Bahan Binaan Bumiputera beserta dengan Majlis Pelancaran 'Blue Pages' Direktori Usahawan Bahan Binaan Bumiputera.

2. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur iaitu Kementerian Kerja Raya dengan kerjasama daripada Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia, Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) dan Persatuan Kontraktor Bumiputera Kelas F (PERKOBF) atas kesudian menjemput saya ke majlis pada hari ini.

3. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua Ketua Setiausaha, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan Kerajaan, kontraktor-kontraktor dan syarikat-syarikat bahan binaan, cendekiawan daripada Universiti Institut Teknologi Mara (UiTM) yang hadir serta semua pembentang-pembentang kertas kerja pada simposium ini.

4. Saya berharap objektif simposium ini dapat dicapai agar semua yang hadir ke program ini mendapat manfaat yang sewajarnya. Saya percaya inisiatif KKR ini selari dengan konsep 'Merakyatkan Perkhidmatan Awam' terutamanya prinsip keempat iaitu kerjasama erat awam-swasta-NGO.

AGENDA PEMERKASAAN EKONOMI BUMIPUTERA

Para hadirin yang dihormati sekalian,

5. YAB Perdana Menteri pada tanggal 14 September 2013 telah mengumumkan Program Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB). Ia menjadi Agenda Nasional yang dilaksanakan merentasi Kementerian, Agensi dan *Government Link Company (GLC) & Government Link International Company*.

6. Tahniah saya ucapkan kepada Kementerian serta Agensi yang telah berjaya menubuh dan menggerakkan unit PEB ini sebagai langkah untuk Kerajaan memastikan pembangunan ekonomi Bumiputera tidak dipinggirkan dan berkembang sejajar dengan pembangunan Negara.

7. Oleh itu, Kerajaan telah memutuskan kesinambungan objektif ini ke dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) yang akan dilaksanakan bagi tempoh 2016 - 2020. Tumpuan akan diberikan untuk memperkukuh latihan kemahiran dan profesional, meningkatkan pemilikan ekuiti korporat dan aset bukan kewangan serta memperluas peluang keusahawanan dan perniagaan.

RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS (2016 – 2020)

8. Pada 21 Mei yang lalu, YAB Perdana Menteri telah membentangkan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) yang merupakan fasa akhir pelan hala tuju pembangunan negara ke arah mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020.

9. Di bawah Kementerian Kerja Raya, Program Transformasi Industri Pembinaan (*Construction Industry Transformation Programme - CITP*) akan dilaksanakan sepanjang tempoh RMK-11. Program ini telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri sendiri pada 10 September 2015 di mana industri pembinaan di Malaysia akan melalui fasa transformasi menjadi sebuah industri yang berdaya tinggi dari segi produktiviti, teknologi dan pengurusan dan menjadi salah satu penyumbang terbesar ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

10. Saya percaya banyak inisiatif telah pun dirangka dan dikenalpasti oleh pihak Kementerian Kerja Raya dan CIDB bagi memastikan golongan Bumiputera terus bersaing dalam sektor pembinaan. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah Program Kontraktor Bumiputera Berprestasi Tinggi atau KBBT, di mana program ini memberi pengiktirafan kepada kontraktor

Bumiputera Gred G7 yang tulen serta berwibawa dalam melaksanakan projek Kerajaan. Kontraktor-kontraktor yang telah diiktiraf ini akan diberi keutamaan untuk membida projek-projek Kerajaan pada masa hadapan.

PENGLIBATAN KONTRAKTOR BUMIPUTERA DALAM PROJEK PENSWASTAAN LEBUHRAYA DAN INFRASTRUKTUR

Para hadirin sekalian,

11. Berdasarkan perjanjian-perjanjian konsesi yang telah dimeterai di antara Kerajaan dan pihak swasta sehingga kini, peratus penglibatan kontraktor Bumiputera dalam pembinaan projek-projek lebuhraya penswastan yang perlu dipatuhi oleh syarikat konsesi telah ditingkatkan dari 30% kepada 60%. Ini membuktikan kesungguhan pihak Kerajaan untuk memberi peluang penglibatan kepada kontraktor Bumiputera dalam membangunkan infrastruktur negara.

12. Sebanyak lima (5) projek lebuhraya telah diluluskan untuk pelaksanaan secara penswastan di bawah RMK-11 dengan anggaran jumlah kos pembinaan sebanyak RM 17.3 bilion. Daripada jumlah tersebut, dianggarkan sebanyak RM 9.7 bilion disasarkan untuk ditawarkan kepada kontraktor Bumiputera dalam projek-projek pembinaan lebuhraya secara penswastan. Peluang-peluang agihan kepada kontraktor Bumiputera berdasarkan perjanjian konsesi adalah seperti berikut:

1. Lebuhraya Duta – Ulu Kelang Sambungan (**DUKE 2**) dengan kos pembinaan sebanyak RM 1.183 bilion dan peruntukan penglibatan kontraktor Bumiputera yang disasarkan sebanyak RM 360 juta;
2. Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (Taiping- Banting) (**WCE**) dengan kos pembinaan sebanyak RM 5.044 bilion dan peruntukan penglibatan kontraktor Bumiputera yang disasarkan adalah RM 3 bilion;

3. Lebuhraya Sungai Besi – Ulu Kelang (**SUKE**) dengan kos pembinaan sebanyak RM 5.27 bilion dan peruntukan penglibatan kontraktor Bumiputera yang disasarkan adalah RM 3.1 bilion;
4. Lebuhraya Damansara – Shah Alam (**DASH**) dengan kos pembinaan sebanyak RM 4.18 bilion dan peruntukan penglibatan kontraktor Bumiputera yang disasarkan adalah sebanyak RM 2.4 bilion; dan
5. Lebuhraya Lingkaran Luar Kuala Lumpur (**EKVE**) dengan kos projek sebanyak RM 1.55 bilion dan peruntukan penglibatan kontraktor Bumiputera yang disasarkan adalah sebanyak RM 900 juta;

13. Jumlah peruntukan yang telah disediakan oleh Kerajaan di dalam perjanjian konsesi untuk disertai oleh kontraktor Bumiputera bagi projek-projek secara penswastaan ini adalah sangat besar. Oleh itu, kontraktor Bumiputera harus bersedia dari segi kemampuan dan keupayaan untuk sama-sama merebut peluang ini. Hasil rundingan pihak Kerajaan bersama beberapa pihak Syarikat Konsesi lebuhraya, contohnya bagi projek Lebuhraya Persisiran Pantai Barat, pihak West Coast Expressway Sdn. Bhd. telah bersetuju untuk memperuntukkan dua (2) bahagian dengan anggaran kos sebanyak RM 600 juta, khusus untuk dipelawa kepada kontraktor Bumiputera.

14. Melalui peluang-peluang ini dan penglibatan kontraktor Bumiputera di dalam projek-projek pembinaan lebuhraya, adalah diharapkan agar kontraktor Bumiputera dapat meningkatkan lagi keupayaan dan daya saing sebagai persiapan untuk menyertai projek-projek yang berskala lebih besar di masa hadapan.

15. Selain daripada projek penswastaan lebuhraya yang dinyatakan tadi, Kerajaan bersama dengan pihak swasta juga menyediakan peluang – peluang lain yang boleh direbut oleh kontraktor Bumiputera. Antaranya ialah projek *Mass Rapid Train* (MRT) di bawah kendalian MRT Corporation. Untuk makluman, MRT Corp mensasarkan 43% agihan kerja dengan nilai RM 8.56 bilion diperuntukkan kepada kontraktor Bumiputera bagi pakej Jajaran Pertama (Line 1)

dan bagi Jajaran Kedua (Line 2) sasaran adalah sebanyak 45% dengan nilai RM 11.9 bilion akan diperuntukkan kepada kontraktor Bumiputera.

16. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan sentiasa peka dengan kapasiti dan kredibiliti kontraktor Bumiputera dalam melaksanakan projek mega. Projek MRT jajaran pertama ini dijangka akan disiapkan pada Julai 2017 di mana kerja-kerja pembinaan telah mencapai 70%.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

17. Kerajaan sedar bahawa syarikat industri pembinaan di kalangan Bumiputera tidak seharusnya bergantung kepada projek-projek Kerajaan semata-mata. Ini kerana, dalam memacu negara ke arah negara maju pada tahun 2020, pendekatan '*demand centric*' akan ditekankan ke dalam pembangunan industri pembinaan. Justeru itu, saya difahamkan Kementerian Kerja Raya bersama-sama dengan CIDB, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) telah menandatangani '*Memorandum of Understanding*' bagi melaksanakan program *Construction National Accredited Renovators* (CNAR) pada Disember 2014.. CNAR bertujuan untuk membolehkan kontraktor kecil dari kelas G1 dan G2 berkecimpung dalam bidang ubahsuai premis kediaman.

PROGRAM PEMBANGUNAN KONTRAKTOR DAN USAHAWAN BINAAN BUMIPUTERA DI BAWAH KKR

Para hadirin yang dihormati sekalian,

18. Kerajaan telah melaksanakan penstrukturan semula organisasi bagi memperkasakan fungsi KKR sebagai peneraju pembangunan infrastruktur negara. Penggabungan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) telah mewujudkan Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) yang dianggap strategik di mana fungsi utama kedua-dua bahagian ini adalah untuk menjaga kepentingan kontraktor dan usahawan Bumiputera.

19. Di bawah penstrukturan baru ini, KKR telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan pelbagai inisiatif dan program bagi memastikan Bumiputera dalam sektor pembinaan berkembang maju. Selain daripada program KBBT yang disebutkan tadi, sebuah skim pinjaman wang tanpa faedah yang dinamakan Skim Kumpulan Wang Amanah Kontraktor (SKWAK) telah disediakan.

20. Kemudahan kredit ini diberikan kepada kontraktor-kontraktor yang melaksanakan projek Kerajaan Persekutuan yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan terbuka kepada kontraktor dari gred G1 hingga G5. Objektif utama skim ini adalah untuk memastikan rangkaian kerja antara kontraktor dan usahawan bahan binaan Bumiputera dapat diwujudkan di samping menganjukkan rantaian nilai kedua-dua pemain industri ini ke tahap yang lebih tinggi.

21. Selain itu, KKR melalui BPKU juga menyediakan pembelajaran modal insan yang berterusan bagi menyediakan latihan pembangunan khusus kepada kontraktor dan usahawan bahan binaan Bumiputera. Sebanyak RM 3.3 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan bagi melengkapkan syarikat Bumiputera dengan ilmu pengetahuan dan diberi pendedahan kepada teknologi baru seiring dengan perkembangan sektor pembinaan itu sendiri.

22. Direktori '*Blue Pages*' yang akan dilancarkan hari ini merupakan satu inisiatif KKR dalam membantu usahawan-usahawan bahan binaan Bumiputera untuk mempromosikan produk-produk mereka. Usahawan-usahawan ini merupakan mereka yang telah berdaftar dengan Kementerian melalui BPKU. Seterusnya, untuk memastikan usahawan-usahawan ini adalah tulen dan berkredibiliti, proses pengauditan telah dilaksanakan ke atas mereka.

23. Pelancaran direktori '*Blue Pages*' ini diharapkan dapat mengembangkan lagi rantaian '*supply-chain*' di kalangan kontraktor dan usahawan bahan binaan Bumiputera. Sebanyak 473 syarikat yang disenaraikan daripada kategori pengilang, pengeluar, pembuat dan pembekal telah dikenalpasti mempunyai kekuatan dan keupayaan untuk membekalkan bahan binaan ke seluruh negara. Diharapkan dengan adanya direktori ini, '*distribution cake*' atau

agihan kekayaan dalam industri pembinaan dapat diperluaskan seperti mana yang dihasratkan dalam Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera.

PENUTUP

Para hadirin yang dihormati sekalian,

24. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah berusaha bagi menjayakan simposium ini. Ucapan terima kasih juga saya panjangkan kepada rakan-rakan strategik daripada pelbagai peringkat industri yang turut serta memberi sokongan dan kerjasama dalam menjayakan inisiatif agensi Kerajaan.

25. Dengan lafaz kalimah suci '*Bismillahirrahmanirrahim*', saya dengan sukacitanya merasmikan penutup "Simposium Kontraktor & Usahawan Bahan Binaan Bumiputera" dan melancarkan '*Blue Pages*' Direktori Usahawan Bahan Binaan Bumiputera.

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

©2015 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://www.pmo.gov.my/ksn/home.php?frontpage/speech/detail/2030>